

16/04/2001

UKM bersedia jadi universiti penyelidikan

Syuhada Choo Abdullah

PENYUSUNAN semula institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menjadi `universiti penyelidikan' menjadi salah satu agenda penting dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Parlimen, baru-baru ini.

Satu daripada tiga IPTA yang dikenal pasti ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di samping Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuar Ali, sependapat bahawa aktiviti penyelidikan boleh disifatkan sebagai `nadi' kepada perkembangan akademik di universiti.

Selaku institusi yang bertanggungjawab menjana ilmuwan peringkat tinggi, beliau menegaskan, proses pembangunan ilmiah di universiti tidak boleh bersifat statik.

Ini bermakna pelajar di universiti tidak sepatutnya disogok dengan ilmu teori yang diperolehi daripada maklumat bahan bacaan atau rujukan kajian kes semata-mata.

Sebaliknya, pensyarah perlu berusaha menyediakan proses pembelajaran yang dinamik dengan meneroka ilmu pengetahuan `segar' menerusi kegiatan penyelidikan bermutu dari semasa ke semasa.

Melalui aktiviti penyelidikan, Dr Anuar berkata, pensyarah bukan saja dapat mempertingkatkan penguasaan ilmu sendiri tetapi yang lebih penting, dapatan kajian diperolehi boleh disalurkan untuk memantapkan lagi pengetahuan anak didik mereka.

Malah dari sudut lain, beliau berkata, pensyarah sendiri berpeluang untuk meneroka pengalaman dan maklumat baru dalam bidang kepakaran masing-masing melalui penyeliaan hasil penyelidikan dijalankan oleh anak didik mereka, khususnya pelajar peringkat ijazah lanjutan.

Menyedari hakikat itu, katanya, UKM sudah mula menggerakkan inisiatif ke arah mencapai matlamat menjadi universiti penyelidikan dengan menyusun perancangan dalam Pelan Strategik 2000-2020 universiti berkenaan yang dilancarkan pada Jun tahun lalu.

"Ada dua perkara yang diberi penekanan penting untuk mencapai matlamat berkenaan, iaitu mempertingkatkan pencapaian ilmiah melalui pengukuhan bidang penyelidikan serta mempertingkatkan kualiti program pengajian siswazah.

"Apabila program pengajian siswazah, sama ada pada peringkat sarjana mahupun doktor falsafah (PhD) dipertingkatkan, secara langsung bidang penyelidikan juga akan dapat diperkukuh.

"Sehubungan itu, sasaran UKM ialah mempertingkatkan jumlah pelajar dalam program pasca siswazah daripada 13 peratus ketika ini kepada 30 peratus menjelang 2010," katanya.

Daripada kira-kira 26,000 pelajar peringkat ijazah pertama, pasca siswazah dan pengajian jarak jauh (PJJ) di UKM ketika ini, seramai 17,135 adalah mahasiswa dan 3,158 pula sedang mengikuti program ijazah lanjutan. Sehingga Jun lalu, UKM sudah melahirkan lebih 2,700 graduan peringkat sarjana dan 203 doktor falsafah (PhD).

Bertepatan matlamat menjadi universiti penyelidikan, Dr Anuar berkata, sasaran UKM ialah menggandakan bilangan pelajar peringkat ijazah lanjutan dalam bidang pengajian yang berkepentingan kepada keperluan negara, sekali gus menyeimbangkannya dengan jumlah mahasiswa.

Justeru, katanya, UKM menggariskan banyak perancangan dalam perincian

strategi dua perkara terbabit, termasuk memperkukuh dan mengimbangi pengajian peringkat siswazah dari segi penyelidikan serta kerja kursus.

Selain itu, beliau berkata, UKM menubuhkan Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) (yang dinaikkan taraf daripada unit sejak dua tahun lalu) di mana Prof Dr Muhammad Yahaya dipertanggungjawabkan sebagai pengarah.

Menurutnya, PPP berfungsi memantau projek penyelidikan yang dijalankan pada peringkat fakulti dan institut sedia ada di UKM seperti Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma).

Selain memantau, katanya, PPP juga ditugaskan mencari dana penyelidikan di mana sebahagian besar diperolehi daripada mekanisme Skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Keutamaan (IRPA) di samping sumbangan geran oleh syarikat, yayasan dan badan lain.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), UKM memperoleh RM84.4 juta untuk membiayai penyelidikan. Bidang penyelidikan yang sering mendapat peruntukan terbesar ialah perubatan diikuti kejuruteraan.

Bagaimanapun dalam usaha memantapkan lagi aktiviti penyelidikan UKM, tiga cabaran utama dikenal pasti untuk ditangani, iaitu kepesatan terokaan ilmu dengan penawaran teknologi baru, keperluan prasarana yang sempurna, berkesan, terkini dan serasi, serta penyelidikan peka sosial.

"Pemantauan oleh PPP ini amat penting kerana UKM ingin melihat adanya hasil penyelidikan, terutama yang membawa faedah kepada masyarakat dan negara dalam bidang seperti sains, perubatan, kesihatan, kejuruteraan, teknologi maklumat (IT) dan pelbagai lagi," katanya.

Dari segi langkah mengkomersialkan dapatan penyelidikan kepada industri berkaitan pula, Dr Anuar berkata, tugas itu dipertanggungjawabkan kepada Unit Inovasi di bawah PPP. Antara contoh kejayaan dicapai ialah penubuhan Pusat Teknologi Pintar dengan kerjasama Perbadanan Perbangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

(END)